**NO. SOALAN : 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [ LEDANG ]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan usaha Kementerian dalam penerapan kurikulum berkaitan meningkatkan kesedaran pelajar sebagai persediaan menjadi pengundi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha meningkatkan kesedaran murid sebagai persediaan menjadi pengundi telah dilaksanakan melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), sama ada secara eksplisit atau sisipan mulai tahun 2017. Perkara ini selaras dengan matlamat pendidikan negara yang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan berteraskan Rukun Negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan bahawa melalui pelaksanaan kurikulum kebangsaan, semua murid akan memperolehi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan untuk membentuk sikap bertanggungjawab dan hormat menghormati. Dalam hal ini, kandungan mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral serta pelaksanaan elemen Pendidikan Sivik secara sisipan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan

Pendidikan Islam menjurus kepada persediaan murid untuk menjadi pengundi yang tahu hak dan tanggungjawab mereka. Melalui kurikulum kebangsaan yang bermula dari sekolah rendah, murid diajar mengenai institusi beraja, pilihan raya, identiti negara, kemerdekaan negara dan pembentukan Malaysia untuk membentuk karakter mereka sebagai warganegara yang bertanggungjawab yang cinta akan negara. Pada peringkat sekolah menengah pula, pengetahuan murid diperkukuhkan lagi tentang perlembagaan, pilihan raya dan prosesnya serta konsep kedaulatan negara agar murid mengetahui hak dan tanggungjawab serta mempunyai kesedaran sebagai pengundi.

Secara keseluruhan, usaha KPM memperkenalkan kandungan berkaitan dengan kesedaran rakyat sebagai pengundi dalam mata pelajaran Sejarah dan pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam lima mata pelajaran, akan memberi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam sejarah di mana pembelajaran lebih mendalam serta dekat dengan kehidupan murid diaplikasikan.

Sekian, terima kasih.